



Rencana Utama
Oleh
SAIRUL ZAMRI MISRANI

Hafidz usahawan siswa raih untung berjuta



HAFIDZ (tengah) bersama kakitangan syarikatnya dalam salah sebuah program di Cyberjaya.



PREMIS awal Vertico di dalam UPM. Serdang sewaktu ditubuhkan pada 2021.

"SAYA nekad untuk mulakan perniagaan ini. Ada satu tahap, saya sanggup menggadaikan sembilan dinar emas bernilai lebih RM20,000 demi mempertahankan perniagaan ini. Bukan itu sahaja, saya juga pernah rugi sehingga RM20,000 kerana ditipu pembekal.

"Ketika itu, semangat saya memang jatuh, diri rasa gelap. Tetapi saya terus cuba, belajar guna iklan berbayar di media sosial, akhirnya mula nampak 'jalan,'" katanya.

Berbekalkan sedikit pengalaman menjadi ejen jualan, sebuah mesin cetak dan premis kecil yang disewa, Hafidz memberanikan diri menawarkan perkhidmatan mencetak baju, lanyard, banting dan medal.

Ceritanya, pada awal perniagaan, pelanggannya hanya dalam kalangan pelajar UPM, namun lama-kelamaan Vertico semakin dikenali hingga berjaya menembusi pasaran di luar kampus.

"Kami memilih nama Vertico kerana falsafah di sebaliknya nama itu iaitu 'Vertical Progress' atau menaik ke atas.

"Vertikal merujuk kepada hubungan kita dengan Yang Di Atas serta usaha untuk sentiasa memperbaiki diri menjadi lebih baik.

"Jenama Vertico membuktikan, kalau kita usaha bersungguh-sungguh, persekitaran dan mentor yang betul, kita akan naik ke atas (maju)," katanya.

Untuk makluman, kedai Vertico terletak di Seksyen 8, Bangi yang menawarkan perkhidmatan percetakan pakaian dan uniform kualiti.

Diaju soalan mengenai kejayaan syarikat itu mencatatkan keuntungan RM3 juta meskipun baru empat tahun beroperasi, Hafidz bersyukur dan percaya kejayaan tersebut hasil kerja keras pasukannya.

"Kami memberi tumpuan kepada pemasaran yang tepat dan menawarkan produk berkualiti tinggi bagi memenuhi permintaan pasaran.

"Kejayaan ini pastinya hasil usaha berterusan dan sokongan para pelanggan setia kami.

"Memang tidak mudah untuk membahagikan masa antara belajar dan perniagaan. Namun saya mengamalkan pengurusan masa berkesan.

"Saya membuat perancangan yang teliti untuk memastikan jadual kuliah dan urusan perniagaan tidak bertembung," ujarnya.

Berkongsi detik gembira terpilih sebagai Tokoh Usahawan Siswa 2025

MESKIPUN usia baru menginjak 22 tahun, namun semangat anak muda ini dalam bidang keusahawanan cukup mengagumkan.



ATAS: Hafidz dengan pengasas bersama Vertico, Nur Sabrina Izzati iaitu individu yang sentiasa berusaha memajukan jenama tersebut.

KIRI: Hafidz bergambar bersama Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir selepas dinobatkan sebagai Tokoh Usahawan Siswa 2025 di Putrajaya baru-baru ini.

baru-baru ini, Hafidz sekali lagi bersyukur ke hadirat ilahi di atas pencapaian tersebut. Akhirnya, dia begitu terharu dan bersyukur kerana dinobatkan sebagai Tokoh Usahawan Siswa 2025.

"Pengiktirafan ini memberi saya semangat baharu untuk terus berusaha dan memperbaiki diri. Saya tidak pernah terfikir untuk menerima pengiktirafan seperti ini. Pengiktirafan ini memberi saya keyakinan untuk terus maju pada masa depan," katanya.

Berkongsi kriteria dan syarat untuk seseorang siswa dinobatkan sebagai tokoh usahawan, Hafidz memberitahu, setiap calon perlu mempunyai rekod pencapaian yang cemerlang dalam perniagaan, memberi impak kepada komuniti dan berpotensi untuk berkembang.

Jelasnya, selepas mendaftar diri untuk program tersebut, dia perlu melalui beberapa sesi penilaian yang begitu ketat termasuk proses tapisan temu duga serta penilaian prestasi perniagaan.

Mengulas mengenai perancangan selepas tamat pengajian kelak, jejaka yang menjadikan berkuda sebagai hobi itu memberitahu, dia berhasrat untuk fokus dengan perniagaan Vertico.

Dia mempunyai impian untuk mengembangkan lagi perniagaan tersebut, dan menjadikannya sebagai jenama yang lebih dikenali.

"Kini Vertico mempunyai enam orang staf, kebanyakan mereka terdiri daripada kakitangan sepenuh masa.

"Kami merancang untuk menambah kakitangan seiring dengan perkembangan perniagaan. Kami berhasrat untuk memberi peluang pekerjaan kepada lebih ramai orang, terutamanya dalam kalangan mahasiswa.

"Dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang, kami juga merancang untuk menembusi pasaran global.

"Kami ingin menjalin kerjasama dengan jenama besar serta memperluaskan produk untuk memenuhi kehendak pasaran semasa," katanya.

Sebelum menutup kisah, Hafidz menggalakan anak muda terutamanya mahasiswa untuk berani mencuba dan tidak takut gagal.

"Sebagai mahasiswa, keusahawanan adalah perjalanan yang penuh cabaran. Namun dengan usaha dan kesungguhan, kita boleh mencapai kejayaan.

"Keusahawanan bagi saya adalah tentang keberanian mengambil risiko, berinovasi dan memberi impak positif kepada orang lain.

"Saya percaya, ia sangat penting kepada mahasiswa kerana mereka dapat belajar tentang pengurusan, kewangan dan membangunkan kemahiran dalam kehidupan profesional.

"Bagi mereka yang minat berbisnes tetapi kurang keyakinan, saya nasihatkan untuk bermula secara kecil-kecilan dan belajar daripada pengalaman," katanya.

INFO Muhammad Hafidz Shahril Izwani

- Jawatan dalam syarikat: Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Vertico.
- Pencapaian/anugerah: Tempat Pertama Anugerah Syarikat Pemula Siswa Terbaik, Anugerah Keusahawanan Kementerian Pendidikan Tinggi 2023 dan Tokoh Usahawan Siswa 2025
- Prinsip hidup: Be Brave Be Limitless
- TikTok/Instagram: @hafidz.vertico